

Perhimpunan Agung UMNO bukan pesta

Oleh SITI MARIAM MD. ZAIN

BUAT pertama kalinya Perhimpunan Agung UMNO 2006 dapat diikuti secara langsung menerusi televisyen. Berbanding stesen penyiaran lain yang lebih lama menapak, Astro mengorak langkah awal mendahului mereka.

Namun usaha tersebut menimbulkan polemik. Ada yang mengatakan ia baik untuk masa depan parti. Sebagai tonggak dan tulang belakang Barisan Nasional (BN), isu-isu yang dibangkitkan mahupun perbincangan yang diadakan mampu memberi gambaran awal ke arah membina negara lebih cemerlang.

Dan sebagai peneraju BN juga, sudah semestinya apa yang disuarakan oleh UMNO harus mendapat tempat. Ini kerana orang Melayu mewakili sebahagian besar rakyat negara ini.

Paling penting kata mereka, ia memberi petunjuk betapa UMNO sebuah parti yang telus. Tiada apa yang harus disembunyikan. Dalam masa sama, ada pihak yang tidak bersetuju. Malah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah memaklumkan bahawa Kabinet melihat cara tersebut kurang sesuai kerana ia mendatangkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan.

Isu ini timbul apabila beberapa pemimpin parti komponen BN melahirkan rasa tidak senang hati dengan ucapan emosional yang diluahkan oleh beberapa perwakilan sewaktu sesi perbahasan pada perhimpunan agung itu.

Melihat perkara ini secara lebih asas, langkah memilih Astro menyiarkan siaran langsung Perhimpunan Agung UMNO itu sendiri sudah tidak kena. Selain bukan milik kerajaan, ia juga stesen televisyen berbayar. Jika mengambil kira, kaum yang mampu menonton, tentunya yang lebih ramai ialah bukan Melayu.

Malah jika isu pokoknya ialah agenda negara, pihak yang sepatutnya lebih layak menyiarkan perhimpunan itu secara langsung ialah RTM sendiri. Atau sekurang-kurangnya stesen penyiaran tidak berbayar lain seperti TV3.

Perkara kedua ialah sama ada wajar atau tidak Perhimpunan Agung UMNO disiarkan secara langsung melalui televi-

syen. Jawapan kepada persoalan ini telah pun dijawab oleh Najib awal-awal lagi. Menurutnya, ada sesetengah pihak merasakan langkah tersebut tidak wajar kerana wujud pandangan yang mengganggu.

Sekiranya disiarkan secara langsung, kata beliau, setiap perwakilan harus memastikan ucapan yang dibekukan tidak keterlaluan kerana mereka patut sedar bahawa apabila berucap, orang di luar parti juga akan mendengar.

Persoalannya, apakah pada perhimpunan akan datang para perwakilan yang membahaskan usul perlu diingatkan supaya tidak membuat kenyataan-kenyataan yang boleh menyentuh sensitiviti kaum, agama dan sebagainya?

Jika mengambil kira kematangan rakyat serta perkembangan dalam dunia maklumat hari ini, sememangnya langkah menyiarkannya secara langsung adalah tepat. Tetapi ia tetap berkait dengan pegangan bahawa pembahas kena berhati-hati dan tidak melampaui batas atau terbabas ke arah yang ditakuti memudaratkan.

Martabat

Tambahan pula, setiap pembahas yang terlibat dalam Perhimpunan Agung UMNO, tidak menikmati imuniti seperti yang diperoleh oleh Ahli-Ahli Parlimen yang menghadiri persidangan Dewan Rakyat.

Maka, apa yang akan berlaku ialah pertembungan antara 'realiti' dan 'fantasi'. Tujuan Perhimpunan Agung UMNO diadakan ialah untuk meningkatkan martabat orang Melayu itu sendiri. Sebenarnya perkara ini tidak harus timbul atau dipertikaikan oleh parti-parti lain.

Sebagai perhimpunan orang Melayu, tentu sekali isu-isu yang sering dibangkitkan ialah bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan dan kekurangan orang Melayu dalam pencapaian setiap matlamat yang digariskan.

Tanpa sikap berterus terang dan mengakui kesilapan diri sendiri, tidak mungkin sesuatu matlamat yang diinginkan itu akan dapat dilaksanakan. Inilah dilema yang akan berlaku jika mengadakan siaran langsung.

Apa yang dibimbangkan, peranan Perhimpunan Agung yang selama ini sebagai medan meluahkan apa sahaja yang ter-

UM-26/11/2006
buku di hati terutama oleh golongan akar umbi terhadap pihak-pihak tertentu tidak lagi akan berlaku. Justeru, masalah-masalah yang berlegar di peringkat bawahan akan terus berlegar tanpa ada penyelesaian terbaik.

Secara tidak langsung, ia juga akan merenggangkan hubungan dua hala antara pucuk pimpinan dengan ahli-ahli. Hakikatnya Perhimpunan Agung UMNO adalah landasan terbaik untuk pemimpin kecil menyuarakan apa sahaja ketidakpuasan hati terhadap persekitaran mereka selain mencadangkan sesuatu untuk kebaikan parti.

Jika 'imuniti' ini juga dirampas, kebingungan yang timbul ialah UMNO akan nampak gah secara dasarnya sahaja tetapi di peringkat akar umbi, akan timbul perasaan terbuak di hati yang tidak mampu diuraikan dan dikhuatiri lama-kelamaan ia akan menjadi barah yang akhirnya merosakkan masa depan parti itu sendiri.

"Apa tujuan dan matlamat perhimpunan diadakan? Jika disiarkan secara langsung, kita bimbang ia hanya akan menjadi seolah-olah satu pesta-pestaan," kata pemerhati politik, Prof. Madya Dr. Mohamed Mustafa Ishak

"Perhimpunan Agung adalah tempat untuk menggubal dasar. Ia merupakan platform terbaik golongan akar umbi untuk menyuarakan suara hati dan nadi rakyat tanpa ada sebarang batasan dan sekatan," katanya lagi.

Beliau berpendapat, sekiranya keputusan dibuat untuk melaksanakan siaran langsung, perwakilan pasti akan berasa seolah-olah mereka akan terikat dan dikongkong. "Akhirnya mereka terpaksa menjadi tidak natural."

Lebih mengharukan katanya, para perwakilan akan menjadi seolah-olah mereka adalah pelakon-pelakon drama. "Apakah UMNO mahu menjadikan perhimpunan itu babak drama ataupun melaksanakan agenda negara, agenda bangsa yang boleh dibincangkan tanpa wujud sebarang sekatan," tegas beliau.

Melihat senario parti lain yang juga mewakili kaum-kaum tertentu, mereka bernasib baik kerana bahasa yang digunakan tidak difahami oleh kaum-kaum lain. Sedangkan bahasa Melayu difahami semua lapisan masyarakat.

Mengulas hal ini, Dr. Mohamed Mustafa berkata, "Mereka boleh berbincang, berbahas dalam bahasa mereka yang orang Melayu tidak faham. Pernahkah mereka fikir hati orang Melayu bila mengeluarkan kenyataan?"

Untuk berlaku adil, sepatutnya bukan sahaja Perhimpunan Agung UMNO perlu disiarkan secara langsung tetapi parti-parti lain dan yang lebih penting, dalam bahasa kebangsaan yang difahami oleh seluruh rakyat negara ini.

Apa pun jelas beliau, masih ada ruang sekiranya UMNO mahu menyiarkan Perhimpunan Agungnya di televisyen. Langkah terbaik ialah mengambil sedutan-sedutan penting seperti yang dilakukan sebelum ini.

Selain itu, untuk siaran langsung, stesen televisyen boleh menyiarkan ucapan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Tanggungjawab

"Sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri, ucapan beliau penting kerana rakyat perlu tahu apa tanggungjawab mereka dalam usaha merealisasikan hasrat pucuk pimpinan."

Kita tahu sejarah UMNO ditubuhkan. Kita juga tahu sejarah Perikatan ditubuhkan. Parti UMNO berjaya memimpin bangsa, mencapai kemerdekaan bagi negara dan bangsa. Parti UMNO telah membuka jalan bagi membolehkan wujudnya permuafakatan antara parti komponen lain atas nama Perikatan kemudian BN.

Satu penghormatan terbesar yang diterima oleh UMNO dalam menjalinkan kerjasama itu ialah kepercayaan yang diberikan oleh parti-parti komponen yang ada untuk terus memimpin BN. Dan sejarah telah membuktikan UMNO tidak pernah melupakan semangat setia kawan yang menjadi tonggak keharmonian masyarakat.

Justeru, peranan yang dilaksanakan oleh UMNO dalam memastikan usaha ini berterusan tidak seharusnya dijadikan modal politik murahan oleh pihak-pihak tertentu. Kerana mereka perlu ingat, bahawa UMNO tidak pernah melupakan janjinya.